



Program Pematuhan Antirasuah

Tarikh penerbitan pertama: Ogos 2013
Tarikh kemaskinian terkini: November 2025

Kandungan

Kandungan	2
1 Mukadimah.....	3
2 Konteks Kawal Selia	4
3 Ciri Program Pematuhan	5
3.1 Objektif.....	5
3.2 Skop dan kaedah pelaksanaan	6
3.3 Peranan dan tanggungjawab	7
3.4 Maklumat, Pendidikan & Kesedaran.....	7
4 Bidang sensitif.....	8
4.1 Perantara dan Pembekal	8
4.2 Hubungan dengan Pentadbiran Awam	10
4.3 Perbelanjaan hadiah dan hiburan.....	11
4.4 Penajaan dan aktiviti promosi	12
4.5 Sumbangan kepada komuniti luar	12
4.6 Sumber Manusia.....	13
4.7 Urus Niaga Luar Biasa dan Usaha Sama.....	14
4.8 “Bayaran pemudahan”	14
5 Aktiviti perakaunan	14
6 Usaha Wajar	15
7 Pemantauan, pelaporan dan penambahbaikan berterusan	16
7.1 Pemantauan	16
7.2 Pelaporan aktiviti berkaitan.....	17
7.3 Penambahbaikan berterusan	17
8 Laporan, pelanggaran dan sekatan	17
8.1 Laporan.....	17
8.2 Pelanggaran	18
8.3 Sekatan	18

1 Mukadimah

Kelakuan yang bertanggungjawab secara beretika, yang diserap oleh nilai-nilai kesetiaan, keadilan dan ketelusan, merupakan salah satu faktor kejayaan utama Pirelli.

Pirelli percaya bahawa syarikat ini bertanggungjawab untuk menggalakkan tatakelakuan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab serta pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, piawaian dan garis panduan negara tempat operasi, menonjol sebagai sebuah syarikat yang mampu mengeksport nilai-nilai yang meresap ke dalam tindakan dengan mempromosikan nilai-nilai ini dalam komuniti tempat operasi.

Membanteras rasuah, menolak rasuah dalam semua konteks dan semua bidang kuasa, dalam apa-apa jua bentuk atau cara (termasuk apabila aktiviti sedemikian dibenarkan, diterima atau tidak dijalankan secara sah dalam amalan) merupakan komitmen konkrit bagi Pirelli.

Pengetahuan tentang keadaan yang berisiko berlakunya rasuah, serta tingkah laku teladan, mencirikan usaha harian Pirelli untuk melindungi aset paling berharga syarikat, iaitu integriti.

"Program Pematuhan Antirasuah" ini (selepas ini juga dirujuk sebagai "Program Pematuhan", "dokumen" atau "Program") mentakrifkan nilai, prinsip dan tanggungjawab yang dipatuhi oleh Pirelli dalam usaha membanteras rasuah.

Pirelli telah mematuhi prinsip Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu¹ dan menyokong Transparency International.²

Selaras dengan Prinsip Perniagaan Transparency International dan prinsip Perjanjian Global, iaitu syarikat berjanji untuk memerangi rasuah dalam semua bentuk, termasuk pemerasan dan sogokan, Pirelli menegaskan semula komitmen syarikat ini untuk memerangi rasuah melalui pelaksanaan dan pengemaskinian berterusan Program Pematuhan yang diguna pakai pada tahun 2013. Program ini turut dibangunkan hasil daripada aktiviti penilaian pendedahan risiko khusus yang akan diulang secara berkala (termasuk berdasarkan penilaian risiko dan amalan terbaik antarabangsa - dan dalam apa-apa jua keadaan sekurang-kurangnya sekali setiap empat tahun) bagi menilai, memantau dan mencegah risiko rasuah serta menetapkan program pendidikan dan peningkatan kesedaran yang bersesuaian.

Program Pematuhan, yang turut dikemas kini berdasarkan piawaian antarabangsa ISO 37001-"Sistem Pengurusan Antirasuah"³, yang menyediakan garis panduan bagi mencegah, mengesan dan menangani

¹ Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan program tindakan yang dipromosikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang bertujuan untuk melibatkan dunia korporat melalui pematuhan kepada Sepuluh Prinsip yang merangkumi bidang berikut: hak asasi manusia, perlindungan buruh, perlindungan alam sekitar dan antirasuah.

² Persatuan bukan kerajaan, bukan berasaskan keuntungan yang bertujuan untuk membanteras rasuah pada peringkat global. Setiap tahun, TI mengira Indeks Persepsi Rasuah (CPI), petunjuk ringkasan yang mewakili tahap rasuah di banyak negara di seluruh dunia.

³ Piawaian antarabangsa yang dibangunkan oleh Organisasi Piawaian Antarabangsa berkaitan sistem pengurusan antisogokan. Piawaian ini menetapkan keperluan serta menyediakan panduan untuk mewujudkan, melaksanakan, mengekalkan, mengemas kini dan memperbaiki sistem antisogokan.

sogokan, mencerminkan komitmen Pirelli dalam membanteras rasuah serta menunjukkan pendekatan Syarikat terhadap penambahbaikan berterusan.

Oleh itu, Program Pematuhan diterima pakai dengan tujuan mewujudkan rangka kerja rujukan, sekali gus memperkukuh lagi dasar antirasuah yang telah dilaksanakan oleh Pirelli dari semasa ke semasa, bermula dengan Kod Etika dan Tatakelakuan, diikuti dengan program dan model khusus di pelbagai negara di tempat Pirelli beroperasi (Model Organisasi, Pengurusan dan Kawalan mengikut Dekri Perundangan Itali 231/2001, yang terpakai bagi syarikat Itali, hanyalah satu contoh).

Pirelli mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh kakitangan dalam melaksanakan dan membangunkan Program Pematuhan. Untuk tujuan ini, Pirelli menggalakkan dan melaksanakan inisiatif peningkatan kesedaran, latihan serta pengemaskinian berterusan yang memperlihatkan dan membolehkan pemahaman yang jelas tentang risiko rasuah yang berkaitan dengan perniagaan, alat pencegahan dan pembanterasannya yang diterima pakai serta dilaksanakan oleh Pirelli dari semasa ke semasa, serta akibat yang timbul daripada pelanggaran alat tersebut dan Undang-Undang Antirasuah. Selain itu, Pirelli mengiktiraf kepentingan untuk menyampaikan nilai dan prinsip etika secara telus kepada pihak ketiga yang bekerjasama, dan oleh itu, membayangkan komitmen pematuhan antirasuah yang sesuai dalam kontrak.

2 Konteks Kawal Selia

Pada peringkat global, rangka kerja perundangan dicirikan oleh pengetatan berterusan sistem penguatkuasaan terhadap fenomena rasuah dan berdasarkan konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang bertujuan untuk menentukan strategi global bagi mengurangkan kepelbagaian antara sistem perundangan negara yang berbeza. Dalam konteks ini, banyak negara telah pun menggubal undang-undang yang menghukum bukan sahaja pemberi sogokan terhadap pegawai awam⁴, tetapi juga sogokan antara individu swasta.

Sebagai sebuah kumpulan multinasional, yang diterajui oleh Pirelli & C. S.p.A. dan beroperasi di lebih 160 negara, Pirelli tertakluk pada undang-undang pelbagai negara yang secara umum melarang:

- menawarkan atau menjanjikan kepada pegawai awam domestik atau asing, secara langsung atau tidak langsung, wang, imbuhan atau apa-apa faedah lain untuk mendorongnya meninggalkan atau

⁴ Untuk tujuan Program ini, istilah "Pegawai Awam" bermaksud:

- sesiapa yang melaksanakan tugas perundangan, kehakiman atau pentadbiran;
- sesiapa yang bertindak secara rasmi bagi kepentingan atau mewakili Pentadbiran Awam;
- mana-mana ahli parti politik atau calon bagi jawatan politik di Itali atau di luar negara, atau mana-mana jawatan awam lain;
- mana-mana ahli keluarga diraja negara berkenaan; mana-mana penjawat awam, iaitu sesiapa yang, dalam apa-apa jua cara, menyediakan perkhidmatan awam, yang perkhidmatan awam bermaksud aktiviti yang diatur sama seperti tugas awam, tetapi dicirikan oleh ketiadaan kuasa tipikal tugas tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang keraguan sama ada pihak terlibat berpotensi termasuk dalam takrifan Pegawai Awam di atas, Pematuhan Kumpulan hendaklah dihubungi pada masa yang sesuai untuk mendapatkan sokongan yang diperlukan.

melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan fungsi rasminya (rasuah aktif dalam sektor awam);

- menawarkan atau menjanjikan pihak ketiga, secara langsung atau tidak langsung, wang atau imbuhan atau apa-apa faedah lain untuk mendorong mereka meninggalkan atau melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas yang diberikan kepada mereka (rasuah aktif dalam sektor swasta);
- meminta atau menerima daripada pihak ketiga, secara langsung atau tidak langsung, wang atau imbuhan atau apa-apa faedah lain untuk meninggalkan atau melaksanakan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas yang diberikan (rasuah pasif dalam sektor swasta).

Warga Kumpulan Pirelli tertakluk pada undang-undang yang berkuat kuasa di negara tempat Kumpulan Pirelli beroperasi⁵, termasuk undang-undang yang mengesahkan Konvensyen Antarabangsa yang melarang sogokan Pegawai Awam dan antara individu persendirian, termasuk: (i) Konvensyen Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan tentang Pembantaran Sogokan Pegawai Awam Asing dalam Urus Niaga Perniagaan Antarabangsa; (ii) Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Rasuah. Sebarang pelanggaran peraturan ini juga akan mendedahkan Pirelli kepada kerosakan reputasi yang serius dan tidak boleh diperbaiki serta sekatan tertentu, yang juga bebas daripada peraturan tempatan negara tempat rasuah berlaku. Dalam beberapa kes, sekatan ini boleh menjurus kepada larangan sepenuhnya terhadap semua aktiviti perniagaan di negara tersebut.

3 Ciri Program Pematuhan

3.1 Objektif

Program Pematuhan adalah selaras dengan nilai dan prinsip yang dinyatakan dalam Kod Etika Kumpulan Pirelli, Tatakelakuan, Tatakelakuan Pembekal dan semua Dasar yang berkaitan.

Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan rangka kerja dasar yang diguna pakai oleh Pirelli dalam bidang antirasuah dan mencapai matlamat untuk:

- menetapkan dasar, langkah kawalan dan komitmen berkaitan antirasuah, yang telah diwujudkan oleh Pirelli sebagai rangka kerja rujukan untuk mentakrifkan, menyemak dan mencapai objektif pencegahan rasuah;

⁵ Sebagai contoh:

- peruntukan Kanun Sivil dan Jenayah Itali, Dekri Perundangan Itali 231/2001, yang mengawal selia liabiliti pentadbiran entiti untuk jenayah (termasuk, contohnya, rasuah kebangsaan dan antarabangsa) yang dilakukan oleh pengarah, pekerja atau rakan usaha sama mereka, di Itali atau di luar negara, demi kepentingan atau manfaat entiti tersebut;
- Akta Amalan Rasuah Asing AS;
- Akta Sogokan UK;

sebagaimana yang dipinda dan ditambah kemudiannya.

- menunjukkan nilai dan prinsip asas Pirelli yang mesti dipatuhi dan dijunjung oleh Pihak Ketiga yang bekerjasama dengan Pirelli;
- membentangkan kepada Pihak Berkepentingan huraian tentang piawaian tatakelakuan dan kaedah kawalan yang dilaksanakan oleh Pirelli untuk mencegah rasuah, selaras dengan peruntukan dalam Kod Etika.

3.2 Skop dan kaedah pelaksanaan

Program Pematuhan Antirasuah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pirelli & C. S.p.A.; sebarang pindaan berikut tertakluk pada kelulusan baharu oleh Lembaga Pengarah Syarikat.

Program Pematuhan terpakai untuk semua syarikat Kumpulan Pirelli (iaitu Pirelli & C. S.p.A. dan subsidiari, selepas ini dikenali sebagai "Pirelli" atau "Kumpulan"), dan kepada semua pihak yang bertindak atas nama dan/atau bagi pihak dan/atau demi kepentingan Pirelli ("Penerima"). Apabila Pirelli tidak mempunyai kawalan operasi, semua rakan niaga (contoh: usaha sama, pembekal, dll.) dikehendaki untuk mematuhi prinsip yang ditetapkan dalam Program, selaras juga dengan peruntukan dalam Tatakelakuan Pembekal Pirelli dan/atau klausa kontrak khusus lain. Secara objektif, Program Pematuhan terpakai untuk semua urusan niaga yang dijalankan oleh Pirelli, selaras dengan tujuan dan pihak terlibat bagi setiap urusan niaga.

Penerima berjanji untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di negara tempat mereka beroperasi, dengan prosedur dan dasar syarikat, dan dipanggil untuk menjadi jurucakap dan saksi prinsip yang terkandung dalam dokumen ini dengan komitmen dan penglibatan harian.

Program ini akan terpakai untuk Pirelli & C. S.p.A. dari tarikh terbitan dan dengan itu, ia akan memansuhkan dan menggantikan Program yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pirelli & C. S.p.A. pada 14 Februari 2019 dan dikeluarkan pada 14 Februari 2019.

Subsidiari hendaklah memastikan pelaksanaan Program ini tepat pada masanya, tanpa sebarang kemungkinan pengurangan. Jabatan Pematuhan dan Peraturan menyokong Syarikat Kumpulan dalam menerima pakai sebarang prosedur operasi antirasuah selanjutnya yang mungkin perlu, selaras dengan keperluan khusus setiap subsidiari.

Program Pematuhan Antirasuah ini diterjemahkan kepada pelbagai bahasa⁶ dan disampaikan kepada pihak berkepentingan luaran juga melalui penerbitan di laman web Pirelli.

⁶ Keserasian teks terjemahan dengan teks asal dinilai oleh peguam dalaman Subsidiari, dengan penglibatan Jabatan Pematuhan tempatan, jika wujud, atau oleh peguam luar.

3.3 Peranan dan tanggungjawab

- **Pengurusan Atasan Pirelli**, yang disokong oleh Jabatan Pematuhan dan Peraturan serta penglibatan pelbagai jabatan yang terlibat, memainkan peranan strategik dalam pelaksanaan sepenuhnya Program ini, memastikan penglibatan semua pekerja dan kolaborator Pirelli serta ketekalan kelakuan mereka dengan nilai-nilai yang terkandung dalam Program ini;⁷
- **Jabatan Pematuhan dan Peraturan**, sebagai jabatan pematuhan untuk pencegahan rasuah, mempunyai kuasa, kebebasan dan sumber yang mencukupi serta kepakaran khusus dalam bidang ini dan bertanggungjawab, antara lain, untuk: i) menyelia reka bentuk dan pelaksanaan Program; ii) menyediakan nasihat dan bantuan pakar tentang perkara antirasuah kepada jabatan Pirelli & C S.p.A. dan Subsidiari iii) memastikan sistem pengurusan antirasuah mematuhi peraturan antirasuah; iv) melaporkan aktiviti berkaitan dalam skop Program ini mengikut prosedur yang ditakrifkan dalam perenggan 6.2 di bawah. Untuk menjalankan aktiviti yang disediakan dalam Program ini, jabatan ini boleh memanfaatkan kerjasama orang di luar Syarikat, Pengurusan Atasan Pirelli akan memastikan tanggungjawab dan kuasa yang mencukupi untuk pengurusan bahagian yang ditugaskan kepada mereka.
- **Jabatan Audit Dalaman** mengesahkan dan memantau pematuhan terhadap prinsip dan peruntukan Program Pematuhan dalam skop audit yang dijalankan secara berkala di semua syarikat Kumpulan.

3.4 Maklumat, Pendidikan & Kesedaran

Program Pematuhan dimaklumkan kepada Penerima (dengan cara yang paling sesuai) dan disediakan di laman web www.pirelli.com dan di intranet korporat. Pirelli menyokong dan menggalakkan program pendidikan dan kesedaran antirasuah yang sesuai dengan tujuan untuk memastikan pengetahuan tentang peraturan tempatan dan antarabangsa, kandungan dokumen ini dan semua inisiatif lain yang dilaksanakan untuk melindungi masalah antirasuah. Aktiviti latihan disasarkan dan ditujukan kepada pekerja yang dikenal pasti berkaitan dengan peranan yang mereka pegang dalam syarikat dan mengikut pendedahan mereka terhadap risiko rasuah, supaya mereka boleh membuat pilihan yang bertanggungjawab dan menangani sebarang risiko rasuah yang mungkin timbul dalam pelaksanaan aktiviti mereka dengan sewajarnya.

Kumpulan memastikan penyampaian dokumen ini kepada Pihak Ketiga yang turut bekerjasama melalui Tatakelakuan Pembekal dan/atau klausa kontrak dan/atau pengisytiharan yang sesuai.

⁷ Antara pengurus kanan yang membentuk pengurusan tertinggi setiap syarikat yang disahkan di bawah piawaian ISO 37001, Pirelli mengenal pasti: (i) Badan Pentadbir, atau Pengurusan, yang bersamaan dengan Lembaga Pengarah setiap syarikat; (ii) Pengurusan Kanan, yang bersamaan dengan pengurus kanan dengan kuasa eksekutif tertinggi dalam syarikat, yang dikenal pasti berdasarkan carta organisasi dan sistem kuasa yang diwakilkan dan proksi yang ada dalam setiap syarikat. Badan Pentadbir dan Pengurusan Kanan menyemak sistem pengurusan secara berkala untuk mengesahkan kecukupan dan pelaksanaan sistem, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Pematuhan dan Peraturan.

4 Bidang sensitif

Program Pematuhan dibina dari perspektif “berasaskan risiko”. Selaras dengan "amalan terbaik" yang berkenaan, Pirelli melaksanakan proses "penilaian risiko" untuk mengenal pasti, menilai dan menjejaki risiko rasuah dalam aktiviti perniagaan dan untuk membimbing takrifan dan pengemaskinian langkah kawalan yang berkaitan. Pirelli juga menilai kesan fenomena rasuah terhadap operasi perniagaan dan pencapaian objektif korporat, dengan mengambil kira pelbagai faktor yang boleh meningkatkan/mengurangkan risiko rasuah (seperti, contohnya, kerumitan peraturan negara tempat beroperasi, risiko yang berkaitan dengan perubahan iklim, amalan tempatan) dan juga memberikan perhatian khusus kepada keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan.

Bagi setiap aktiviti risiko yang dikenal pasti, Pirelli mengguna pakai instrumen kawal selia khusus dan melaksanakan langkah kawalan yang dipantau dan dikemas kini secara berkala dengan tujuan untuk penambahbaikan berterusan.

Semua operasi yang dijalankan oleh Pirelli mesti didokumenkan pada tahap perincian yang munasabah, dipertanggungjawabkan dengan secukupnya (jika berkenaan) dan tertakluk pada kawalan yang sesuai.

Pemantauan ketiadaan amalan rasuah amat relevan dalam bidang sensitif berikut:

4.1 Perantara dan Pembekal

Pirelli memanfaatkan sokongan perantara dan pembekal⁸ yang mesti memenuhi keperluan kejujuran dan ketepatan profesional yang diiktiraf oleh Pirelli. Hubungan dengan pihak terlibat adalah berdasarkan prinsip berikut:

- Pengurusan hubungan dengan pembekal hendaklah dijalankan selaras dengan peraturan syarikat semasa yang terpakai tentang pembelian barangan dan perkhidmatan serta perkhidmatan perundingan dan profesional.
- Pemilihan ejen perantara dan pembekal mesti berdasarkan aktiviti pemilihan terdahulu, yang dijalankan oleh individu yang memiliki kebebasan membuat penilaian, keputusan dan kuasa, selaras dengan peruntukan Pirelli. Secara khusus:
 - Pirelli mengesahkan pengalaman dan keperluan teknikal pihak terlibat dan meminta mereka mengisytiharkan ketiadaan siasatan/hukuman berkaitan rasuah.
 - Pihak terlibat tertentu, bergantung pada aktiviti yang diliputi oleh kontrak, nilai atau kaitan/kepentingan pembekalan, tertakluk pada aktiviti "Usaha Wajar" tertentu yang juga bertujuan untuk menyasat aspek etika, selaras dengan peruntukan perenggan 6 di bawah dan

⁸ Perantara dan pembekal ditakrifkan sebagai orang yang berhubung dengan atau beroperasi antara dua atau lebih rakan niaga. Bagi tujuan dokumen ini, ejen, wakil, perunding atau syarikat perundingan, pembekal, subkontraktor dianggap sedemikian.

dengan prosedur dan jangka masa yang dinyatakan dalam peraturan operasi khusus, yang mengandungi penunjuk terperinci tentang tahap pemeriksaan dan kekerapan pemantauan untuk hubungan dengan prestasi berterusan.

- Kontrak mesti disediakan secara bertulis, bermula daripada piawaian yang digunakan di Pirelli, dan disertakan dengan klausa khusus yang bertujuan, *antara lain*, untuk memastikan pihak terlibat mematuhi komitmen antirasuah Pirelli. Secara khusus:
 - Semasa kerjasama, pihak terlibat dikehendaki untuk menjalankan perniagaan mereka mengikut prinsip etika Pirelli, iaitu pelanggaran terhadap prinsip akan mengakibatkan penamatan kontrak serta-merta.
 - Pertimbangan yang dibayar kepada pihak terlibat mesti berasaskan dokumentasi yang mencukupi bagi membolehkan kesesuaian prestasi dengan peruntukan kontrak disahkan.
- Keputusan aktiviti pemilihan, dokumentasi (termasuk rekod cukai/perakaunan) dan rekod pengaturan kontrak dengan pihak terlibat mesti difailkan, direkodkan dan disimpan mengikut peruntukan Pirelli;
- Jabatan yang mengurus kontrak dengan segera melaporkan kepada Jabatan Pematuhan dan Peraturan tentang sebarang masalah kritikal atau pelanggaran yang disyaki terhadap Undang-undang Antirasuah dan komitmen pematuhan dalam kontrak oleh pembekal.

Dalam konteks hubungan dengan Pembekal, pengurusan pembayaran adalah amat penting, satu proses yang mesti mematuhi peruntukan Prosedur Operasi Kumpulan, dengan tujuan untuk memastikan:

- pematuhan penuh dengan peraturan antarabangsa dan kebangsaan yang berkaitan, termasuk tentang pencegahan pengubahan wang haram;
- pemantauan dan kebenaran yang sewajarnya bagi sebarang pembayaran “bukan standard” (cth. pembayaran yang, atas sebab ekonomi yang ditentukan, perlu dibuat kepada negara luar pesisir/tidak bekerjasama⁹, pembayaran ke akaun semasa atas nama seseorang selain daripada orang yang memberikan perkhidmatan tersebut atau di negara selain daripada negara tempat pihak terlibat mempunyai ibu pejabat/kediaman atau tempat perkhidmatan diberikan, pembayaran “manual”, dll.);
- pengemaskinian butiran bank pembekal selepas pengesahan identiti pihak yang meminta (prosedur “panggilan balik”) untuk mengesahkan kesahihan permintaan dan mengelakkan pembayaran/penipuan yang tidak wajar.

⁹ Setiap syarikat mesti merujuk kepada senarai hitam yang terpakai di kawasan geografi tempat syarikat beroperasi dan ditakrifkan oleh institusi antarabangsa atau kerajaan negara yang kompeten (untuk Kesatuan Eropah, senarai di pautan tersebut terpakai: https://ec.europa.eu/taxation_customs/tax-common-eu-list_en untuk Itali, senarai pada pautan berikut terpakai: <https://www.guidafisco.it/paesi-black-list-elenco-aggiornato-773>).

4.2 Hubungan dengan Pentadbiran Awam

Pirelli menggalakkan dan menyokong dialog dengan Pentadbiran Awam¹⁰ (selepas ini juga "Pegawai Awam") melalui hubungan berdasarkan prinsip keadilan dan ketelusan bagi mencegah aktiviti haram yang berkaitan dengan interaksi sedemikian, selaras dengan Undang-undang Antirasuah dan prinsip yang terkandung dalam dokumen ini dan dalam Kod Etika.

Penerima, dalam apa-apa jua jenis hubungan dengan Pentadbiran Awam¹¹ mesti:

- menahan diri daripada sebarang kelakuan atau peninggalan aktif yang mungkin mewakili percubaan rasuah.
- menyimpan bukti dokumentari hubungan yang bersifat ekonomi dengan dan daripada Pegawai Awam (cth. perbelanjaan hiburan, hadiah, imbuhan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Pentadbiran Awam, dll.).
- memaklumkan kepada Jabatan Pematuhan tentang sebarang permintaan langsung atau tidak langsung oleh Pegawai Awam untuk mendapatkan bayaran, hadiah, perjalanan, faedah peribadi atau kelebihan lain untuk dirinya sendiri atau untuk ahli keluarga, saudara-mara dan penghuni bersama atau ditujukan kepada benefisiari lain untuk menjalankan atau menahan diri daripada menjalankan aktiviti terhadap Pirelli, yang melanggar kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas jawatan mereka.
- memastikan bahawa sebarang hadiah dan perbelanjaan hiburan (termasuk layanan baik) untuk tujuan institusi yang ditujukan kepada orang yang dimiliki atau boleh dirujuk kepada Pentadbiran Awam (cth. penyertaan dalam acara yang ditaja oleh Pirelli dan/atau melibatkan caj yang ditanggung oleh Pirelli) biasanya kurang daripada perkara yang ditakrifkan sebagai nilai "sederhana", dan diluluskan oleh pegawai kanan¹² selaras dengan peruntukan peraturan korporat tentang hadiah dan

¹⁰ Bagi tujuan Program ini, Pentadbiran Awam bermaksud:

- mana-mana badan, pejabat, agensi atau jabatan, sama ada pada peringkat pusat atau wilayah, di Itali atau di luar negara, yang bertanggungjawab terhadap kepentingan awam dan/atau melaksanakan aktiviti perundangan, bidang kuasa atau pentadbiran berdasarkan peruntukan undang-undang awam dan tindakan pemberian kuasa;
- organisasi awam antarabangsa (cth. Bank Eropah untuk Pembinaan Semula dan Pembangunan, Bank Antarabangsa untuk Pembinaan Semula dan Pembangunan, Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia, Pertubuhan Perdagangan Dunia);
- agensi, jabatan atau badan Kesatuan Eropah;
- syarikat atau organisasi milik negara atau dikawal oleh negara atau sebaliknya (cth. pekerja syarikat minyak milik kerajaan), melainkan syarikat beroperasi dalam pasaran atas dasar komersial biasa, contohnya, atas dasar yang hampir sama dengan perusahaan swasta, tanpa subsidi keutamaan atau keistimewaan lain;

¹¹ Hubungan Pirelli yang berkaitan dengan Pentadbiran Awam merangkumi, sebagai contoh: hubungan institusi, pemeriksaan serta permintaan dokumentasi/maklumat oleh Pentadbiran Awam, hubungan dengan pihak berkuasa perundangan dan kawal selia, permohonan akses kepada pembiayaan, penyaluran dana awam dan skim perlindungan sosial, serta hubungan berkaitan kewajipan undang-undang.

¹² Dalam apa-apa jua keadaan, bagi hadiah dan perbelanjaan hiburan yang ditujukan kepada Pegawai Awam, entiti korporat yang mencadangkan perbelanjaan hiburan dan/atau hadiah mesti memaklumkan kepada entiti yang meluluskan tentang sebab perbelanjaan tersebut dikenakan.

perbelanjaan hiburan. Hanya dalam kes luar biasa yang terbukti (contohnya acara awam, lawatan institusi) dibenarkan pengecualian daripada had nilai sederhana berkenaan pegawai awam kanan.

- menahan diri daripada membuat bayaran pemudahan (rujukan perenggan 4.8).

4.3 Perbelanjaan hadiah dan hiburan

Pirelli memberikan hadiah dan menanggung perbelanjaan hiburan¹³ atas sebab institusi, komersial dan pemasaran semata-mata, selaras dengan peraturan Kumpulan dan dalam apa-apa jua keadaan mematuhi undang-undang, peraturan dan adat komersial yang berkuat kuasa di negara tempat Pirelli beroperasi. Para Penerima:

- Tidak boleh menawarkan atau menerima hadiah dan perbelanjaan hiburan dalam situasi yang mungkin secara munasabah menunjukkan kepada pemerhati pihak ketiga yang tidak berat sebelah bahawa hadiah atau perbelanjaan bertujuan untuk menimbulkan rasa terhutang budi, untuk mempengaruhi keputusan atau tindakan penerima secara tidak wajar bagi mendapatkan kelebihan yang tak wajar. Aktiviti sedemikian dilarang walaupun dalam amalan dibenarkan, diterima atau tidak didakwa.
- Secara khusus:
 - Pirelli tidak melebihi adat perniagaan dalam konteks operasi apabila memberikan “ganjaran” sedemikian;
 - Pirelli tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk hadiah yang diberikan untuk menggalakkan Pirelli menyelesaikan atau berkecuali dalam aktiviti tertentu.
- Hadiah atau manfaat lain yang bernilai sederhana boleh diberikan kepada Pegawai Awam, mengikut peraturan yang ditakrifkan oleh Kumpulan dan seperti yang diperincikan dalam bahagian “Hubungan dengan Pentadbiran Awam” dalam Program ini.
- Mendapatkan kebenaran dan/atau membuat komunikasi yang dibayangkan oleh peraturan Pirelli untuk menerima hadiah dan tujuannya mengikut anggaran nilai hadiah.
- Mengarkibkan dokumen perakaunan dan kebenaran yang berkaitan dengan hadiah dan perbelanjaan hiburan mengikut peruntukan Pirelli.
- Pengecualian tidak dibenarkan berkaitan hadiah dan perbelanjaan hiburan (diberi atau diterima) yang tidak berkaitan dengan hubungan institusi, komersial, pemasaran dan amalan kesopanan biasa dan/atau dengan perjalanan perniagaan syarikat secara normal, dan dalam apa-apa jua keadaan

¹³ Perbelanjaan hadiah dan hiburan difahami sebagai perbelanjaan untuk penyediaan barangan dan perkhidmatan secara percuma (cth.: tayar, produk Pzero, layanan baik dan pelancongan) yang dijalankan untuk tujuan promosi atau perhubungan awam bagi juga berpotensi menjana faedah ekonomi untuk syarikat.

yang boleh menimbulkan tanggapan bahawa tujuan pemberian untuk memperoleh atau memberikan kelebihan yang tidak wajar.

4.4 Penajaan dan aktiviti promosi

Pirelli melancarkan penajaan dan aktiviti promosi¹⁴ dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan prestij jenama Pirelli. Selaras dengan peruntukan Pirelli yang terpakai dan tanggungjawab yang diberikan kepada setiap jabatan, Penerima hendaklah:

- menjamin bahawa objektif yang dicapai adalah semata-mata yang dinyatakan;
- menjalankan usaha wajar terhadap pihak terlibat, untuk membangunkan penajaan dan aktiviti promosi, bagi memastikan pihak tersebut memenuhi keperluan kejujuran dan integriti profesional;
- mengawal selia hubungan tersebut berdasarkan kontrak bertulis tertentu yang (i) mentakrifkan objek dan tujuan sumbangan itu boleh digunakan; (ii) menyediakan, jika berkenaan, kawalan yang bertujuan untuk mengesahkan ketekalan penggunaan sumbangan yang diberikan oleh Pirelli dengan tujuan yang dibayangkan dalam kontrak; (iii) mengandungi klausa yang direka untuk memastikan pihak terlibat mematuhi komitmen yang diambil oleh Pirelli dalam perkara antirasuah;
- mendapatkan kebenaran yang diperlukan oleh peraturan Kumpulan untuk inisiatif penajaan;
- mengarkibkan dokumentasi yang berkaitan dengan aktiviti analisis dan pemilihan benefisiari dan rekod perakaunan serta rekod perjanjian yang ditetapkan dengan pihak terlibat mengikut peruntukan Pirelli.

4.5 Sumbangan kepada komuniti luar

Pirelli mengagihkan sumbangan¹⁵ kepada komuniti luaran untuk menyokong projek tertentu atau mencapai matlamat institusi benefisiari.

Selaras dengan peruntukan Pirelli yang terpakai dan tanggungjawab yang diberikan kepada setiap jabatan, Penerima hendaklah:

- Memastikan pilihan benefisiari dibuat oleh individu yang menikmati kebebasan pertimbangan, kecekapan dan autoriti, selaras dengan peraturan Pirelli;
- menjalankan usaha wajar ke atas benefisiari, bagi memastikan pihak tersebut memenuhi keperluan kejujuran dan integriti profesional;

¹⁴ Aktiviti penajaan dan promosi ditakrifkan sebagai sebarang acara atau aktiviti yang dianjurkan dengan tujuan mewujudkan peluang untuk mempromosikan perniagaan dan jenama Pirelli.

¹⁵ "Sumbangan" bermaksud sebarang bentuk sumbangan (dalam bentuk wang tunai, barangan, konsesi ruang/perkhidmatan) yang diberikan kepada orang perseorangan/entiti undang-undang, badan, persatuan yang terbukti berpengalaman, berintegriti dan diiktiraf pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa, dan beroperasi dalam bidang pendidikan/akademia, budaya, sukan, keselamatan jalan raya, perpaduan sosial dan hak asasi manusia, alam sekitar/pendidikan alam sekitar.

- Mendapatkan kebenaran yang diperlukan oleh peraturan Kumpulan untuk sumbangan kepada komuniti luaran;
- Mengawal selia hubungan tersebut berdasarkan perjanjian bertulis tertentu yang (i) mentakrifkan objek dan tujuan sumbangan itu boleh digunakan; (ii) menyediakan, jika berkenaan, kawalan yang bertujuan untuk mengesahkan ketekalan penggunaan sumbangan yang diberikan oleh Pirelli dengan tujuan yang dibayangkan dalam kontrak; (iii) mengandungi klausa yang direka untuk memastikan pihak terlibat mematuhi komitmen yang diambil oleh Pirelli dalam perkara antirasuah;
- Mengarkibkan dokumentasi yang berkaitan dengan aktiviti analisis dan pemilihan benefisiari dan rekod perakaunan serta rekod perjanjian yang ditetapkan dengan pihak terlibat mengikut peruntukan Pirelli.

Walau apa-apa pun, Pirelli tidak secara langsung atau tidak langsung mengagihkan sebarang sumbangan kepada parti politik, pergerakan, jawatankuasa, organisasi politik dan kesatuan sekerja, wakil dan calon mereka.

4.6 Sumber Manusia

Proses pengurusan Sumber Manusia dinilai sebagai bidang berisiko rasuah dengan rujukan khusus kepada pemilihan dan pengambilan pekerja.

Pirelli telah menerima pakai peraturan dalaman untuk mengawal selia aktiviti ini selaras dengan prinsip antirasuah.

Selaras dengan peruntukan peraturan syarikat rujukan, proses pengambilan dan pemilihan Sumber Manusia¹⁶ mestilah:

- diurus oleh individu yang, berdasarkan keperluan kecekapan dan kebebasan mereka, layak untuk melaksanakan tugas ini;
- dijalankan selaras dengan prinsip tanpa diskriminasi, kesaksamaan mutlak, autonomi dan kebebasan membuat penilaian, bertujuan untuk memastikan keputusan akhir diberikan kepada individu yang paling sesuai untuk mengisi jawatan berkenaan dan menawarkan tawaran yang selaras dengan nilai pasaran rujukan, sambil menjamin akses yang sama kepada peluang pekerjaan.
- menyediakan pemeriksaan khusus ke atas rujukan dan pengalaman profesional terdahulu, bagi mengelakkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan, khususnya dengan Pentadbiran Awam.

Untuk tujuan ini, pemohon mesti mengisytiharkan, mengikut peraturan yang berkenaan:

- sebarang hubungan dengan pegawai awam;

¹⁶ ditakrifkan sebagai satu set aktiviti dan langkah yang membawa kepada pengambilan kakitangan baharu (termasuk pekerja sementara, pelatih, eksekutif).

- sebarang peranan yang dipegang dalam Pentadbiran Awam dalam tempoh dua tahun yang lalu.

4.7 Urus Niaga Luar Biasa dan Usaha Sama

Urus niaga M&A, penggabungan/kemasukan Pirelli ke dalam usaha sama mungkin menimbulkan pelbagai risiko (seperti pemerolehan konsesi melalui sogokan); oleh itu, usaha wajar terhadap bakal pihak terlibat merupakan aspek penting dalam setiap urus niaga.

Perhatian khusus mesti diberikan kepada profil etika dan reputasi pihak terlibat, termasuk melalui pemeriksaan terhadap sejarah dan latar belakang perniagaan pihak terlibat. Berkenaan urus niaga jualan, sekiranya terdapat sebarang masalah kritikal, pemeriksaan lanjut mesti dijalankan terhadap kemampuan kewangan bakal pembeli.

4.8 “Bayaran pemudahan”

Pirelli tidak membenarkan pembayaran, tawaran atau penerimaan, secara langsung atau tidak langsung, pembayaran pemudahan¹⁷. Jika bayaran pemudahan diminta, dijanjikan atau ditawarkan kepada Penerima, penting untuk mereka segera memaklumkan kepada penyelia mereka dan Jabatan Pematuhan dan Peraturan.

Sebarang Bayaran Pemerasan¹⁸ yang dibuat kepada Pegawai Awam mesti dikenal pasti dengan segera dan didokumenkan dengan sewajarnya¹⁹. Khususnya, kakitangan Pirelli yang terlibat mesti menghantar notis rasmi yang memperincikan peristiwa tersebut kepada Pengurus mereka sendiri dan Jabatan Pematuhan dan Peraturan supaya (selepas berunding dengan Jabatan Perundangan) mereka boleh menilai situasi tersebut dan mengambil semua tindakan yang sewajarnya.

5 Aktiviti perakaunan

Simpan kira yang betul merupakan alat rentas lintang untuk memintas penipuan, fenomena rasuah dan tindakan yang berperanan dalam aktiviti haram (lihat juga perenggan 7.1 dalam hal ini). Atas sebab ini, Pirelli mengguna pakai sistem kawalan dalaman terhadap maklumat kewangan yang direka untuk menjamin,

¹⁷ pembayaran yang dibuat kepada Pegawai Kerajaan untuk memudahkan atau mempercepatkan “tindakan rutin kerajaan” yang telah tertunggak kepada Syarikat, seperti, sebagai contoh sahaja: pengeluaran permit, lesen atau dokumen rasmi lain, penyediaan dokumen kerajaan seperti visa atau arahan kerja lain, penyediaan perkhidmatan telekomunikasi, tenaga dan air, pemunggaran/pemuatan barang, atau perlindungan aset rapuh/berbahaya, penjadualan lawatan pemeriksaan yang berkaitan dengan pelaksanaan kontrak atau transit barang melalui negara.

¹⁸ bayaran yang dibuat kepada Pegawai Awam yang dipaksa daripada kakitangan Pirelli melalui penggunaan keganasan atau ancaman serius dan segera terhadap keselamatan fizikal dan peribadi mereka, dan oleh itu mungkin dibuat semata-mata untuk mengelakkan kecederaan diri

¹⁹ Bayaran pemerasan merupakan sebahagian daripada peristiwa perniagaan menjadi subjek perakaunan Pirelli, dan entri perakaunan berkaitan mesti dibuat selaras dengan peraturan Pirelli tentang penyata kewangan dan perakaunan serta disokong oleh dokumentasi yang berkaitan.

dengan kepastian yang munasabah, kebolehpercayaan pelaporan kewangan dan penyediaan penyata kewangan yang betul.

Sehubungan itu, ketua jabatan pentadbiran/perakaunan setiap syarikat Kumpulan, dalam skop tugas yang diberikan dan setakat bidang kuasa masing-masing, mesti memastikan bahawa setiap urus niaga:

- direkodkan dengan betul dan secukupnya, sah, selaras, dibenarkan dan boleh dijejaki;
- disertakan dengan dokumen sokongan yang sesuai untuk membenarkan, pada bila-bila masa:
 - pengesahan aktiviti yang dijalankan,
 - pengenalpastian individu yang memberikan kuasa dan merekodkan operasi tersebut ("pengasingan tugas"),
 - pelaksanaan kawalan.

6 Usaha Wajar

Dengan mengambil kira risiko yang dinyatakan dalam perenggan sebelumnya dan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam peraturan rujukan yang diguna pakai oleh Pirelli, usaha wajar dipertimbangkan untuk tujuan pengumpulan maklumat bagi menilai kewujudan keperluan yang diperlukan untuk menjalin hubungan perniagaan dengan pihak terlibat yang utama.

Secara khususnya,

- a) pada peringkat global, setiap Fungsi/Jabatan yang mengurus hubungan dengan bakal pihak terlibat dikehendaki untuk melakukan pemeriksaan awal terhadap kebolehpercayaan dan reputasi pihak yang sama dan memintas sebarang penunjuk ketidakpatuhan terhadap piawaian kawal selia dan etika Pirelli;
- b) dalam syarikat Pirelli yang beroperasi dengan risiko rasuah dianggap lebih ketara berdasarkan pendekatan "berasaskan risiko", terdapat peraturan yang mengawal selia secara terperinci pelaksanaan aktiviti usaha wajar dan yang menetapkan, sebagai tambahan kepada perkara di atas, pelaksanaan kawalan etika dan reputasi yang meluas ("usaha wajar yang dipertingkatkan"), terhadap pihak terlibat yang dianggap berpotensi lebih berisiko kerana hasil usaha wajar asas, atau sifat dan/atau nilai urus niaga.

Jabatan Pematuhan dan Peraturan menyokong analisis pihak terlibat, untuk menentukan sama ada sebarang "tanda amaran" yang dikenal pasti dari segi antirasuah "menghalang" urusan masa hadapan dengan pihak terlibat dan/atau hanya membayangkan peningkatan tahap perhatian dan pelaksanaan tindakan pengurangan risiko.

7 Pemantauan, pelaporan dan penambahbaikan berterusan

7.1 Pemantauan

Pirelli telah mewujudkan satu rangka kerja untuk memantau pelaksanaan Program ini secara berkesan dan cekap, mengikut pendekatan "berasaskan risiko" selaras dengan metodologi yang ditetapkan oleh peraturan dalaman dan "amalan terbaik" (kawalan peringkat pertama, kedua dan ketiga).

Pemantauan bertujuan untuk memintas dengan segera, di pelbagai negara tempat Pirelli beroperasi, kes berikut:

- **Pengemaskinian kawal selia:** pemantauan perubahan/pengemaskinian pada peraturan antirasuah yang berkenaan;
- **Pendidikan & Kesedaran:** pematuan dengan pelan latihan dan komunikasi yang dirancang (rujukan perenggan 3.3);
- **Sistem kawalan dalaman:** Pirelli memastikan penggunaan sistem kawalan dalaman yang menetapkan pelaksanaan kawalan (baik dalam bidang kewangan mahupun bukan kewangan) yang mampu memantau, mencegah dan/atau menangani risiko rasuah. Secara khusus, dengan merujuk kepada kawalan dalam bidang kewangan, Pirelli mengguna pakai satu sistem kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah terhadap kebolehpercayaan laporan kewangan, selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai oleh Pirelli dan dengan peraturan yang berkenaan. Tujuan kawalan ini adalah untuk mengurangkan risiko berlakunya entri perakaunan yang tidak tepat (dan tidak dikenal pasti dengan segera), yang disebabkan oleh kesilapan atau penipuan, yang ketara dari segi kesan terhadap penyata kewangan tahunan atau laporan kewangan interim.
- **Laporan:** susulan semua laporan pendedahan maklumat yang diterima tentang perkara antirasuah (rujukan perenggan 8.1);
- **Audit:** aktiviti audit dalaman dan/atau luaran dan/atau pemeriksaan khusus lain yang bertujuan untuk mencegah dan mengesan risiko rasuah.

Selain daripada perkara di atas, dalam syarikat yang diperakui mengikut piawaian ISO 37001, pemantauan operasi juga dipastikan secara berterusan melalui pengumpulan dan analisis aliran daripada jabatan korporat oleh Jabatan Pematuan, yang, sekurang-kurangnya sekali setiap enam bulan, mengumpul maklumat daripada semua jabatan yang terlibat dalam proses risiko rasuah yang dikenal pasti dan menjalankan audit bebas (keseluruhan atau melalui pensampelan, bergantung pada aliran) aktiviti yang dijalankan oleh syarikat, sekali gus memastikan kawalan *susulan* terhadap aktiviti risiko. Selain daripada aktiviti audit proses dalaman dan/atau luaran yang dinyatakan di atas, pemantauan berterusan juga dilengkapi dengan audit yang bertujuan khusus untuk mengesahkan prestasi sistem pengurusan antirasuah, yang dijalankan sekurang-kurangnya setiap tiga tahun.

7.2 Pelaporan aktiviti berkaitan

Bagi syarikat yang diperakui, Jabatan Pematuhan dan Peraturan secara berkala menyediakan (dengan kekerapan yang juga ditakrifkan mengikut pendekatan “berasaskan risiko”) laporan yang merangkumi aktiviti berkaitan yang dijalankan dalam Program Pematuhan.

7.3 Penambahbaikan berterusan

Pirelli menerima pakai pendekatan yang berorientasikan kepada penambahbaikan berterusan aktiviti dan hasil yang diperoleh daripada kemampunan, kecukupan dan keberkesanan Program Pematuhan.

Jabatan Pematuhan dan Peraturan menyemak dokumen ini secara berkala bagi memastikan tahap keberkesanan tertinggi dijamin dan untuk memasukkan, jika perlu, perubahan kawal selia terkini dan sebarang cadangan penambahbaikan yang telah timbul semasa aktiviti pemantauan.

Selain daripada perkara di atas, Jabatan Pematuhan dan Peraturan hendaklah, bersama-sama dengan jabatan yang terlibat setiap kali, mengambil tindakan untuk segera melaksanakan sebarang pengesyoran penambahbaikan berkaitan dengan aktiviti operasi yang dirumuskan oleh pihak berkepentingan/badan dalaman atau luaran.

8 Laporan, pelanggaran dan sekatan

8.1 Laporan

Pirelli menggalakkan laporan tentang sebarang pelanggaran²⁰, atau dorongan kepada pelanggaran, atau sebarang tindakan yang menjejaskan objektif atau tujuan, antara lain, Program Pematuhan dan undang-undang serta peraturan lain yang terpakai pada semua peringkat yang berkaitan dengan antirasuah.

Sebagai contoh, penerima dikehendaki melaporkan sebarang permintaan langsung atau tidak langsung yang bertujuan untuk mendapatkan bayaran, hadiah, perjalanan, faedah peribadi atau keluarga atau faedah lain kepada penerima lain mengikut prosedur pelaporan sedia ada Pirelli, dan khususnya selaras dengan peruntukan Dasar Pemberian Maklumat.

Dalam mengendalikan laporan pemberian maklumat, Pirelli komited untuk menghormati prinsip kerahsiaan, perkadaran dan kesaksamaan, mengiktiraf suci hati pemberi maklumat, serta menjamin ketanpanamaan mereka. Tambahan pula, Pirelli tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk ancaman, tindakan balas

²⁰ "Pelanggaran" ialah tindakan atau peninggalan yang dilakukan semasa menjalankan perniagaan atau berkaitan dengannya, oleh mana-mana individu dalam Pirelli, bagi pihak Pirelli atau dalam urusan dengan Pirelli atau pihak berkepentingan Pirelli (termasuk usaha sama Pirelli), yang telah berlaku, secara munasabah dijangka telah berlaku atau sangat berkemungkinan akan berlaku, termasuk sebarang percubaan untuk menyembunyikan tindakan atau peninggalan tersebut.

atau diskriminasi - sama ada yang sebenar atau yang cuba dilakukan - terhadap individu yang terlibat dalam pemberian maklumat.

Pirelli menyediakan saluran khas untuk pemberian maklumat kepada Penerima dan pihak berkepentingan, yang selaras dengan keperluan undang-undang khusus negara tempat Pirelli beroperasi dan boleh dihubungi di pautan ini: <https://pirelli.integrityline.com/>.

Untuk maklumat lanjut dan saluran pelaporan tambahan yang tersedia, sila rujuk Dasar Pemberian Maklumat Kumpulan dan/atau dasar tempatan yang terpakai, semuanya tersedia di www.pirelli.com/whistleblowing.

8.2 Pelanggaran

Sekiranya berlaku pelanggaran Program, Pirelli akan mengenakan sekatan yang diperuntukkan oleh sistem disiplin syarikat selaras dengan perjanjian buruh kolektif, prosedur dan peraturan yang terpakai di negara tempat Pirelli beroperasi.

Tiada pekerja yang akan dikenakan tindakan balas, diskriminasi atau tindakan tatatertib kerana:

- setelah enggan mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang pekerja tersebut secara munasabah menilai bahawa terdapat risiko rasuah yang ketara;
- setelah menyatakan syak wasangka atau telah membuat laporan dengan suci hati, berdasarkan kepercayaan yang munasabah, tentang percubaan, perbuatan rasuah yang sebenar atau yang sedang berlaku.

8.3 Sekatan

Pirelli tidak bertolak ansur dengan sebarang kelakuan yang melanggar prinsip Program ini dan perundangan antirasuah yang berkuat kuasa di negara tempat Pirelli beroperasi.

Pirelli akan mengambil tindakan yang sewajarnya sebagai tindak balas terhadap sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, yang disebabkan oleh kakitangan Pirelli dan/atau pihak ketiga, yang timbul akibat aktiviti atau laporan pengesahan dalaman; khususnya Pirelli akan melakukan setiap usaha yang munasabah untuk: (i) menghentikan dan membenarkan kelakuan sedemikian oleh pekerja Pirelli; (ii) menggunakan remedi kontraktual, termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan kontrak dan/atau tuntutan ganti rugi, terhadap mana-mana pihak ketiga yang tindakannya didapati melanggar Undang-undang Antirasuah dan/atau komitmen pematuan antirasuah yang dinyatakan dalam Tatakelakuan Pembekal dan/atau dalam kontrak yang berkaitan.